

Bil. S 30

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (PEREMPUAN BERSUAMI), 1999**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Perempuan Bersuami), 1999 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Ogos, 1999. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi hak-hak perempuan bersuami, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya".
2. Perintah ini hendaklah tidak dikenakan dalam sebarang hal jika mana-mana pihak menganut agama Islam. Tidak dikenakan.
3. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain — Tafsiran.

"defendan", berkenaan dengan suatu perintah nafkah atau suatu perintah tahanan pendapatan tenaga berkaitan, bermakna orang yang kena membuat pembayaran di bawah perintah nafkah tersebut;

"majikan" bermakna seseorang, sebagai prinsipal dan bukan sebagai pekerja atau ejen, yang kena membayar pendapatan tenaga kepada defendan, dan sebutan-sebutan kepada pembayaran pendapatan tenaga hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"pendapatan tenaga", berkenaan dengan defendan, bermakna sebarang jumlah wang yang kena dibayar kepadanya —

(a) melalui upah atau gaji, termasuk sebarang bayaran, bonus, komisen, bayaran lebih masa atau emolumen lain yang kena dibayar selain dari upah atau gaji oleh orang yang membayar gaji atau upah atau yang kena dibayar di bawah suatu kontrak perkhidmatan;

(b) melalui pencen, termasuk suatu anuiti berkaitan dengan perkhidmatan yang lalu, sama ada atau tidak perkhidmatan itu diberikan kepada orang yang membayar anuiti tersebut, dan termasuk pembayaran berkala melalui pampasan kerana kehilangan, penghapusan atau pelepasan, atau sebarang pengurangan emolumen, sebarang jawatan atau pekerjaan;

“perintah nafkah” bermakna —

(a) suatu perintah bagi pembayaran elaun bulanan yang dibuat atau dianggap sebagai dibuat oleh sesebuah mahkamah di bawah Perintah ini;

(b) suatu perintah bagi pembayaran wang berkala dengan cara nafkah atau alimoni kepada seseorang isteri atau untuk faedah mana-mana kanak-kanak di bawah sebarang undang-undang lain; dan

(c) suatu perintah nafkah yang didaftarkan atau disahkan oleh mahkamah di bawah Perintah Darurat (Perintah Nafkah Penguatkuasaan Timbal Balik), 1995.

S 33/95.

## BAHAGIAN II

### HAK DAN KEWAJIPAN SUAMI ISTERI

Hak dan  
kewajipan.

4. (1) Setelah perkahwinan diakadnikahkan, suami isteri hendaklah saling terikat untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam melindungi kepentingan perkahwinan tersebut dan dalam memelihara dan menyara anak-anak.

(2) Suami dan isteri berhak secara berasingan untuk melibatkan diri dalam sebarang perdagangan atau profesion atau dalam kegiatan-kegiatan sosial.

(3) Isteri berhak untuk menggunakan nama keluarganya dan namanya sendiri secara berasingan.

(4) Suami dan isteri mempunyai hak-hak yang sama dalam mengurus rumah tangga hal-ehwal suami isteri.

5. (1) Tertakluk kepada cerai (2), tempat tinggal tetap seseorang perempuan bersuami hendaklah, sebagai ganti sama dengan tempat tinggal tetap suaminya hanya menurut perkahwinan, ditentukan dengan merujuk kepada faktor-faktor yang sama sepertimana dalam hal mana-mana individu lain yang mampu mempunyai suatu tempat tinggal tetap yang bebas.

Pembatalan  
tempat tinggal  
tetap  
tanggung  
isteri.

(2) Jika sejeurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa seseorang perempuan telah berkahwin dan kemudiannya memperolehi tempat tinggal tetap suaminya dengan cara pergantungan, perempuan itu akan disifatkan sebagai mengekalkan tempat tinggal tetap tersebut (sebagai tempat tinggal tetap pilihan, jika ia juga bukan tempat tinggal tetap asalnya) melainkan jika ia diubah dengan cara perolehan atau pemulihan tempat tinggal tetap lain sama ada pada atau selepas tarikh tersebut.

6. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, seseorang perempuan bersuami hendaklah —

Keupayaan  
perempuan  
bersuami.

(a) mampu memperoleh, memegang dan melupuskan, sebarang harta;

(b) mampu menjadikan dirinya, dan dijadikan, bertanggung berkaitan dengan sebarang tort, kontrak, hutang atau obligasi;

(c) dapat mendakwa dan didakwa atas namanya sendiri sama ada dalam tort atau dalam kontrak ataupun selainnya dan hendaklah berhak mendapat semua remedi dan tebus rugi bagi semua tujuan; dan

(d) tertakluk kepada undang-undang berkenaan dengan kebangkrapan dan penguatkuasaan penghakiman dan perintah,

dalam semua hal seolah-olah dia adalah perempuan yang tidak ada suami.

7. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, semua harta yang —

Harta  
perempuan  
bersuami.

(a) sejeurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa merupakan harta (termasuk harta berasingan) seseorang perempuan bersuami atau dipegang untuk kegunaannya secara berasingan dalam ekuiti;

(b) dipunyai pada masa perkahwinannya oleh seseorang perempuan bersuami selepas tarikh permulaan kuatkuasa; atau

(c) selepas tarikh permulaan kuatkuasa diperolehi oleh atau diturunkan kepada seseorang perempuan bersuami, hendaklah kepunyaannya dalam semua hal seolah-olah dia adalah perempuan yang tidak ada suami dan boleh dilupuskan dengan sewajarnya.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (1) boleh —

(i) ditafsirkan sebagai menjejaskan hak mana-mana perempuan bersuami terhadap sebarang harta yang dipunyainya sejurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa; atau

(ii) mengganggu atau menyebabkan tidak berkuatkuasa sebarang sekatan yang sah ke atas jangkaan atau pemberimilikan yang dikenakan kepada penikmatan sebarang harta menurut sebarang peruntukan yang terkandung dalam sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa sejurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa, atau dalam sebarang suratcara yang disempurnakan sebelum tarikh itu.

(3) Sebarang suratcara yang disempurnakan pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa hendaklah, setakat mana ia dikatakan mengenakan kepada penikmatan sebarang harta oleh seseorang perempuan sebarang sekatan ke atas jangkaan atau pemberimilikan yang tidak boleh dikenakan kepada penikmatan harta itu oleh seseorang lelaki, tidak sah.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini berkenaan dengan sekatan-sekatan ke atas jangkaan atau pemberimilikan —

(a) suatu suratcara yang mengenakan sekatan sebagaimana yang disebutkan di atas, yang disempurnakan pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa, menurut suatu obligasi yang dikenakan sebelum tarikh itu untuk mengenakan sekatan tersebut, hendaklah dianggap telah disempurnakan sebelum tarikh itu;

(b) suatu peruntukan yang terkandung dalam suatu suratcara yang dibuat pada menjalankan kuasa khas untuk melantik hendaklah dianggap sebagai terkandung dalam suratcara itu sahaja dan tidak dalam suratcara yang mewujudkan kuasa itu; dan

(c) wasiat mana-mana pewasiat yang mati selepas tarikh permulaan kuatkuasa, hendaklah (dengan tidak menghiraukan tarikh sebenar ia disempurnakan) dianggap telah disempurnakan pada tarikh tersebut.

8. Sebarang wang atau harta pusaka lain isteri, yang dipinjamkan atau diamanahkan olehnya kepada suaminya untuk tujuan sebarang perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh suaminya itu ataupun sebaliknya, hendaklah disifatkan sebagai aset dari harta pusaka suaminya sekiranya suaminya itu bankrap dengan syarat tuntutan isteri terhadap sesuatu dividen sebagai pemiutang bagi jumlah atau nilai wang atau harta pusaka lain tersebut selepas, tetapi tidak sebelum, semua tuntutan pemiutang-pemiutang lain suami bagi balasan berharga dengan wang atau yang boleh dinilai dengan wang telah dipenuhi.

Pinjaman oleh isteri kepada suami.

9. Jika sebarang persoalan timbul tentang hak seorang suami atau isteri terhadap wang yang diperolehi dari sebarang elaun yang dibuat oleh suami itu bagi perbelanjaan kediaman suami isteri atau bagi tujuan-tujuan yang sama, atau terhadap sebarang harta yang diperolehi dari wang tersebut, maka wang atau harta tersebut hendaklah, sekiranya tiada sebarang perjanjian di antara mereka yang berlawanan, disifatkan sebagai kepunyaan suami dan isteri secara sama rata.

Wang dan harta yang diperolehi dari elaun belanja rumah.

10. Tiada sebarang apa pun dalam Bahagian ini boleh memberi kesan, terhadap pemiutang-pemiutang suami, ke atas sebarang pemberian oleh seorang suami kepada isterinya sebarang harta yang, selepas pemberian tersebut, terus berada atas perintah dan pelupusan atau dikatakan dalam milikan suami itu, atau ke atas sebarang deposit atau pelaburan lain wang suami itu yang dibuat oleh atau atas nama isterinya dengan menipu pemiutang-pemiutang suami itu; tetapi sebarang wang yang dideposit atau dilaburkan itu boleh dikesan seolah-olah Perintah ini belum diluluskan.

Pemberian oleh suami kepada isteri.

11. (1) Tiap-tiap perempuan bersuami hendaklah mempunyai atas namanya sendiri terhadap semua orang siapa pun jua, termasuk suaminya, remedi sivil yang sama dan juga, tertakluk berhubung dengan suaminya kepada ceraian (3), remedi yang sama dan tebus rugi melalui prosiding jenayah bagi perlindungan dan jaminan hartanya sendiri seolah-olah harta itu kepunyaannya sebagai perempuan yang tidak ada suami.

Remedi perempuan bersuami.

(2) Dalam sebarang pertuduhan atau prosiding lain di bawah bab ini adalah mencukupi untuk mengatakan harta itu sebagai hartanya.

(3) Tiada prosiding jenayah boleh diambil terhadap seorang suami atau isteri semasa mereka tinggal bersama tentang atau mengenai dengan sebarang harta yang dituntut oleh suami atau isteri itu masing-masing ataupun semasa mereka berpisah tentang atau mengenai dengan sebarang perbuatan yang dilakukan oleh suami atau isteri itu semasa mereka tinggal bersama berhubung dengan harta yang dituntut oleh isteri atau suami itu masing-masing melainkan jika harta itu telah tersalah ambil oleh suami atau isteri itu sewaktu meninggalkan atau meninggalkan langsung atau hendak meninggalkan atau meninggalkan langsung isteri atau suami itu masing-masing.

(4) Dalam sebarang tindakan atau prosiding oleh seseorang perempuan atau oleh seseorang sahabat wakil bagi pihaknya, mahkamah yang di hadapannya tindakan atau prosiding itu belum lagi diputuskan hendaklah mempunyai bidang kuasa dengan penghakiman atau perintah untuk mengarahkan pembayaran kos pihak lawan dari harta yang tertakluk kepada penyekatan ke atas jangkaan, dan boleh menguatkuasakan pembayaran tersebut dengan lantikan seorang penerima dan penjualan harta itu ataupun selainnya sebagaimana yang adil.

Hutang dan  
liabiliti isteri  
sebelum  
perkahwinan.

Penggal 39.

12. (1) Seseorang perempuan setelah dia berkahwin hendaklah terus bertanggungjawab terhadap semua hutang yang ditanggung dan semua kontrak yang dibuat atau perbuatan salah yang dilakukan olehnya sebelum dia berkahwin, termasuk sebarang jumlah wang yang baginya dia bertanggungjawab sebagai penyumbang, sama ada sebelum atau selepas dia diletakkan dalam senarai penyumbang di bawah dan menurut Akta Syarikat- Syarikat.

(2) Seseorang perempuan yang disebut dalam cerai (1) boleh didakwa atas sebarang hutang tersebut dan atas sebarang liabiliti terhadap gantirugi ataupun selainnya di bawah sebarang kontrak itu atau berkaitan dengan sebarang perbuatan salah tersebut.

Tindakan  
dalam tort di  
antara suami  
dan isteri.

13. (1) Tertakluk kepada bab ini, tiap-tiap pihak kepada suatu perkahwinan hendaklah mempunyai hak tindakan dalam tort yang sama terhadap pihak yang satu lagi seolah-olah mereka belum berkahwin.

(2) Jika suatu tindakan dalam tort dibawa oleh salah satu pihak kepada suatu perkahwinan terhadap pihak yang satu lagi dalam tempoh perkahwinan tersebut masih berterusan, mahkamah boleh menggantung tindakan itu jika didapatinya —

(a) bahawa tiada banyak faedah terakru kepada salah satu pihak dari penerusan prosiding itu; atau

(b) bahawa masalah atau masalah-masalah yang menjadi isu lebih senang diselesaikan atas suatu permohonan yang dibuat di bawah bab 14,

dan tanpa menjejaskan perenggan (b) mahkamah boleh, dalam tindakan tersebut, sama ada menjalankan sebarang kuasa yang boleh dijalankan atas suatu permohonan di bawah bab 14, atau memberi arahan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi penyelesaian di bawah bab itu sebarang masalah yang berbangkit dalam prosiding tersebut.

14. (1) Dalam sebarang masalah di antara suami dan isteri tentang hakmilik terhadap atau pemilikan harta, salah satu pihak boleh memohon dengan saman ataupun selainnya secara terus kepada Hakim Mahkamah Besar, yang boleh membuat perintah berhubung dengan harta yang dipertikaikan dan tentang kos dan yang berbangkit dari permohonan itu sebagaimana yang difikirkannya patut, atau boleh mengarahkan supaya permohonan itu ditangguhkan, dan sebarang siasatan mengenai perkara-perkara yang berkenaan itu dibuat mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pertikaian  
harta di antara  
suami dan  
isteri.

(2) Sebarang perintah yang dibuat di bawah bab ini hendaklah tertakluk kepada rayuan mengikut cara yang sama sepertimana suatu perintah yang dibuat oleh seseorang Hakim dalam suatu tindakan yang belum lagi diputuskan di Mahkamah Tinggi.

(3) Hakim tersebut boleh, jika salah satu pihak menghendaki demikian, mendengar sebarang permohonan itu dalam kamarnya.

(4) Suatu permohonan boleh dibuat di bawah bab ini oleh salah satu pihak kepada suatu perkahwinan walaupun perkahwinan mereka telah dibubarkan atau dibatalkan selagi permohonan itu dibuat dalam tempoh tiga tahun yang bermula dari tarikh perkahwinan itu dibubarkan atau dibatalkan; dan sebutan-sebutan dalam bab ini kepada seorang suami atau seorang isteri hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

15. Seseorang perempuan bersuami yang menjadi wasi atau pentadbir, bersendirian atau bersesama dengan mana-mana orang atau orang-orang lain, harta pusaka mana-mana orang yang telah mati, atau seseorang pemegang amanah bersendirian atau bersesama sebagaimana yang disebutkan di atas harta yang tertakluk kepada sebarang amanah, boleh mendakwa atau didakwa, dan boleh memindahkan atau turut sama memindahkan sebarang harta alih atau harta tak alih yang tergolong dalam harta pusaka atau amanah tanpa suaminya seolah-olah dia adalah perempuan yang tidak ada suami.

Perempuan  
bersuami  
sebagai wasi  
atau pemegang  
amanah.

16. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Bahagian ini boleh mengganggu atau menjejaskan sebarang penyelesaian atau perjanjian untuk penyelesaian yang dibuat atau akan dibuat, sama ada sebelum atau selepas perkahwinan, berhubung dengan harta mana-mana perempuan bersuami, atau mengganggu atau menyebabkan supaya tidak berkuatkuasa sebarang sekatan terhadap jangkaan yang sekarang ini dikenakan atau akan dikenakan selepas itu kepada penikmatan sebarang harta atau pendapatan oleh seseorang perempuan di bawah sebarang penyelesaian, perjanjian untuk penyelesaian, wasiat atau suratcara lain.

Penyelesaian.

(2) Sekatan terhadap jangkaan yang terkandung dalam sebarang penyelesaian atau perjanjian untuk penyelesaian harta seseorang perempuan itu sendiri, yang akan dibuat atau diikat olehnya sendiri, tidaklah boleh mempunyai sebarang kesahan terhadap hutang yang ditanggung olehnya sebelum perkahwinan, dan penyelesaian atau perjanjian untuk penyelesaian tidaklah boleh mempunyai kuatkuasa atau kesahan yang lebih besar terhadap pemiutang-pemiutang perempuan itu dari penyelesaian atau perjanjian untuk penyelesaian yang serupa yang dibuat atau diikat oleh seseorang lelaki yang mungkin dipunyainya terhadap pemiutang-pemiutangnya.

Wakil di sisi undang-undang bagi perempuan bersuami.

17. Bagi maksud-maksud Bahagian ini, wakil diri di sisi undang-undang bagi mana-mana perempuan bersuami hendaklah, berkaitan dengan harta pusaka perempuan itu, mempunyai hak-hak dan liabiliti-liabiliti yang sama sepertimana yang mungkin dipunyai oleh perempuan itu, dan tertakluk kepada bidang kuasa yang sama sepertimana perempuan itu mungkin tertakluk, jika perempuan itu masih hidup.

Liabiliti kerana pecah amanah.

18. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini tentang liabiliti-liabiliti perempuan bersuami hendaklah diperluaskan kepada semua liabiliti oleh kerana sebarang pecah amanah atau devastavit yang dilakukan oleh mana-mana perempuan bersuami sebagai pemegang amanah atau wasi atau pentadbir sama ada sebelum atau setelah dia berkahwin, dan suaminya hendaklah tidak tertakluk kepada liabiliti-liabiliti tersebut melainkan jika dia telah bertindak atau mencampuri dalam amanah atau pentadbiran.

### BAHAGIAN III

#### NAFKAH ISTERI DAN ANAK

Mahkamah boleh memerintahkan nafkah.

19. (1) Mana-mana perempuan bersuami yang suaminya mengabaikan atau enggan memberi kepadanya nafkah yang berpatutan boleh memohon kepada mahkamah Majistret dan mahkamah tersebut boleh, atas bukti yang sewajarnya, memerintahkan supaya suaminya itu membayar elaun bulanan atau sekaligus untuk nafkahnya.

(2) Jika mana-mana orang mengabaikan atau enggan menanggung nafkah anaknya yang sah taraf atau tidak sah taraf, mahkamah Majistret boleh, atas bukti yang sewajarnya, memerintahkan supaya orang itu membayar elaun bulanan atau sekaligus untuk nafkah anaknya itu.

(3) Elaun yang disebut dalam cerai-ceraian (1) dan (2) hendaklah kena dibayar mulai dari suatu tarikh sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah tersebut.



(4) Mahkamah tersebut, apabila memerintahkan nafkah untuk isteri atau anak di bawah bab ini, hendaklah memberi perhatian kepada semua hal keadaan kes termasuk perkara-perkara yang berikut —

(a) keperluan kewangan isteri atau anak itu;

(b) pendapatan, keupayaan memperolehi pendapatan tenaga (jika ada), harta dan sumber-sumber kewangan lain isteri atau anak itu;

(c) sebarang ketiadaupayaan fizikal atau mental isteri atau anak itu; dan

(d) taraf hidup yang dinikmati oleh pemohon sebelum suami atau bapa mengabaikan atau enggan memberi nafkah yang berpatutan untuk isteri atau anak itu.

(5) Suatu permohonan untuk nafkah anak di bawah cerai (2) boleh dibuat oleh mana-mana orang yang merupakan penjaga atau mempunyai jagaan sebenar ke atas anak itu.

(6) Mahkamah tersebut hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang sama sebagaimana yang diberikan oleh bab 34 berkaitan dengan prosiding mengenai perintah tahanan pendapatan tenaga.

20. (1) Jika seseorang telah menerima seseorang kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai seorang ahli keluarganya, maka adalah menjadi kewajipannya untuk menanggung nafkah kanak-kanak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak, setakat mana bapa atau ibu kanak-kanak itu tidak berbuat demikian, dan mahkamah boleh membuat perintah sebagaimana yang mungkin perlu bagi kebajikan kanak-kanak itu:

**Kewajipan  
untuk  
menanggung  
nafkah kanak-  
kanak.**

Dengan syarat bahawa kewajipan yang dikenakan oleh cerai ini hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu diambil balik oleh bapa atau ibunya.

(2) Apa-apa wang yang dibelanjakan oleh seseorang pada menanggung nafkah kanak-kanak itu boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang daripada bapa atau ibu kanak-kanak itu.

21. (1) Jika mana-mana orang gagal membuat satu pembayaran atau lebih yang dikehendaki untuk dibuat di bawah suatu perintah nafkah, mahkamah yang membuat perintah itu boleh bagi setiap pelanggaran perintah itu dengan waran mengarahkan supaya jumlah yang kena dibayar itu dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melewi denda yang dikenakan oleh mahkamah Majistret, atau boleh

**Penguatkuasaan  
perintah  
nafkah.**

menjatuhkan hukuman penjara kepadanya selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu bulan bagi setiap elaun bulanan yang masih belum dibayar.

(2) Suatu perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah Majistret menurut cerai (1) seolah-olah perintah itu telah dibuat oleh mahkamah Majistret, kecuali bahawa mahkamah Majistret tidak mempunyai kuasa untuk mengubah suatu perintah Mahkamah Tinggi.

Pembatalan dan perubahan perintah.

22. (1) Atas permohonan mana-mana orang yang menerima atau diperintahkan untuk membayar elaun bulanan di bawah Bahagian ini dan atas bukti ada perubahan pada hal keadaan orang itu, isteri atau anaknya, atau atas alasan lain yang memuaskan yang dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah, mahkamah yang membuat perintah itu boleh membatalkan perintah tersebut atau boleh mengubahnya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Tanpa menjejaskan setakat mana budi bicara yang diberikan kepada mahkamah oleh cerai (1), mahkamah boleh, dalam menimbangkan sebarang permohonan yang dibuat di bawah bab ini, mengambil kira sebarang perubahan pada kos am sara hidup yang mungkin telah berlaku antara tarikh membuat perintah yang dipohonkan untuk diubah dan tarikh pendengaran permohonan itu.

Kuasa mahkamah Majistret untuk enggan membuat perintah.

23. Jika pada pendapat mahkamah Majistret perkara-perkara yang berkenaan itu di antara pihak-pihak tersebut atau mana-mana daripada mereka akan lebih senang dikendalikan oleh Mahkamah Tinggi, mahkamah tersebut boleh enggan membuat suatu perintah dan dalam kes itu rayuan tidaklah boleh dibuat dari keputusannya:

Dengan syarat bahawa Mahkamah Tinggi atau seseorang Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa dengan perintah dalam sebarang prosiding di Mahkamah Tinggi berhubung dengan atau yang mengandungi hal perkara yang sama kerana permohonan itu ditolak sebagaimana yang disebutkan di atas atau mana-mana bahagiannya untuk mengarahkan mahkamah tersebut mendengar semula atau memutuskannya.

Rayuan.

24. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, suatu rayuan hendaklah dikemukakan dari sebarang perintah atau penolakan sebarang perintah oleh mahkamah Majistret di bawah Bahagian ini kepada Mahkamah Tinggi yang menjalankan bidang kuasa rayuan sivil di bawah peruntukan-peruntukan Akta Mahkamah Besar.

Penggal 5.

(2) Tiada rayuan yang dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Bahagian ini dari sebarang perintah boleh berkuatkuasa sebagai menggantung perintah tersebut melainkan jika Mahkamah Tinggi atau mahkamah Majistret mengarahkan demikian.

25. (1) Salah satu pihak kepada suatu perkahwinan boleh, sama ada atau tidak suatu permohonan dibuat oleh pihak itu bagi suatu perintah di bawah bab 19, memohon kepada mahkamah Majistret bagi suatu perintah di bawah bab ini.

Perintah bagi perlindungan suami/isteri atau kanak-kanak.

(2) Jika atas suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah bab ini mahkamah tersebut berpuas hati bahawa responden telah menggunakan, atau mengancam untuk menggunakan, keganasan terhadap diri pemohon atau kanak-kanak dari keluarga tersebut dan bahawa adalah perlu bagi perlindungan pemohon atau kanak-kanak dari keluarga tersebut supaya suatu perintah patut dibuat di bawah cerai ini, mahkamah tersebut boleh membuat salah satu perintah yang berikut atau kedua-duanya —

(a) suatu perintah bahawa responden hendaklah tidak menggunakan, atau mengancam untuk menggunakan, keganasan terhadap diri pemohon;

(b) suatu perintah bahawa responden hendaklah tidak menggunakan, atau mengancam untuk menggunakan, keganasan terhadap diri kanak-kanak dari keluarga tersebut.

(3) Jika atas suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah bab ini mahkamah tersebut berpuas hati —

(a) bahawa responden telah menggunakan keganasan terhadap diri pemohon atau kanak-kanak dari keluarga tersebut;

(b) bahawa responden telah mengancam untuk menggunakan keganasan terhadap diri pemohon atau kanak-kanak dari keluarga tersebut dan telah menggunakan keganasan terhadap orang lain; atau

(c) bahawa responden telah dengan melanggar suatu perintah yang dibuat di bawah cerai (2) mengancam untuk menggunakan keganasan terhadap diri pemohon atau kanak-kanak dari keluarga tersebut,

dan bahawa pemohon atau kanak-kanak dari keluarga tersebut berada dalam bahaya dcederakan secara fizikal oleh responden (atau mungkin berada dalam bahaya seperti itu jika pemohon atau kanak-kanak itu hendak memasuki kediaman suami isteri) mahkamah tersebut boleh membuat salah satu perintah yang berikut atau kedua-duanya —

- (i) suatu perintah yang menghendaki supaya responden meninggalkan kediaman suami isteri;
- (ii) suatu perintah yang melarang responden dari memasuki kediaman suami isteri.

(4) Jika mahkamah tersebut membuat suatu perintah di bawah cerai (3), mahkamah tersebut boleh, jika difikirkannya patut, membuat suatu perintah lanjut yang menghendaki supaya responden membenarkan pemohon untuk memasuki dan berada di kediaman suami isteri.

(5) Jika atas suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah bab ini mahkamah tersebut berpuas hati bahawa pemohon atau kanak-kanak dari keluarga tersebut berada di ambang bahaya dcederakan secara fizikal, mahkamah tersebut boleh membuat suatu perintah di bawah cerai (2) walaupun —

(a) saman belum disampaikan kepada responden atau belum disampaikan kepada responden dalam masa yang munasabah sebelum permohonan itu didengar; atau

(b) saman menghendaki responden untuk hadir pada masa atau tempat lain,

dan sebarang perintah yang dibuat menurut cerai ini disebut dalam bab ini dan dalam bab 26 sebagai perintah yang dipercepatkan.

(6) Suatu perintah yang dipercepatkan hendaklah tidak berkuatkuasa sehingga tarikh notis pembuatan perintah itu disampaikan kepada responden mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau, jika mahkamah tersebut menentukan suatu tarikh yang kemudian sebagai tarikh perintah itu berkuatkuasa, tarikh yang kemudian itu, dan suatu perintah yang dipercepatkan hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa pada mana-mana saja dari tarikh-tarikh yang berikut berlaku dahulu —

(a) tarikh tamatnya tempoh dua puluh lapan hari yang bermula dari tarikh pembuatan perintah itu; atau

(b) tarikh bermulanya pendengaran permohonan bagi suatu perintah di bawah bab ini.

(7) Suatu perintah di bawah bab ini boleh dibuat tertakluk kepada kekecualian-kekecualian atau syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu dan tertakluk, dalam hal suatu perintah yang dipercepatkan, kepada cerai (6), boleh dibuat bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan demikian.

(8) Mahkamah tersebut dalam membuat suatu perintah di bawah cerai (2) boleh memasukkan peruntukan bahawa responden hendaklah tidak mengapiakan atau membantu mana-mana orang lain untuk menggunakan, atau mengancam untuk menggunakan, keganasan terhadap diri pemohon atau, mengikut mana yang berkenaan, kanak-kanak dari keluarga tersebut.

26. (1) Mahkamah Majistret hendaklah, atas suatu permohonan yang dibuat oleh salah satu pihak kepada perkahwinan yang berkenaan itu, mempunyai kuasa dengan perintah untuk mengubah atau membatalkan sebarang perintah yang dibuat di bawah bab 25.

Perintah di bawah bab 25.

(2) Aturan-aturan boleh dibuat untuk tujuan menguatkuasakan bab 25 dan sebarang aturan tersebut boleh khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna cerai ini, membuat peruntukan bagi pendengaran tanpa berlengah-lengah sebarang permohonan bagi suatu perintah di bawah cerai (3) bab 25.

(3) Tamat tempoh menurut cerai (4) bab 25 suatu perintah yang dipercepatkan hendaklah tidak menjejaskan pembuatan satu lagi perintah yang dipercepatkan di bawah bab itu.

(4) Kecuali setakat mana perjalanan oleh responden suatu hak untuk menduduki kediaman suami isteri digantung atau disekat menurut suatu perintah yang dibuat di bawah cerai (3) bab 25, suatu perintah yang dibuat di bawah bab itu hendaklah tidak menjejaskan sebarang harta pusaka atau kepentingan ke atas kediaman suami isteri responden atau mana-mana orang lain.

27. (1) Jika mahkamah Majistret membuat suatu perintah di bawah bab 25 yang memperuntukkan bahawa responden hendaklah tidak —

- (a) menggunakan keganasan terhadap diri pemohon;
- (b) menggunakan keganasan terhadap kanak-kanak dari keluarga tersebut; atau
- (c) memasuki kediaman suami isteri,

Tangkapan kerana melanggar perintah di bawah bab 25.

mahkamah tersebut boleh, jika berpuas hati bahawa responden telah mencederakan secara fizikal pemohon atau kanak-kanak dari keluarga tersebut dan menganggap bahawa dia mungkin sekali lagi berbuat demikian, mengenakan kuasa untuk menangkap kepada perintah itu.

(2) Jika menurut cerai (1) kuasa untuk menangkap dikenakan kepada suatu perintah, seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki melanggar sebarang peruntukan perintah sebagaimana yang

disebutkan dalam perenggan-perenggan (a), (b) atau (c) cerai (1) oleh kerana orang itu telah menggunakan keganasan atau, mengikut mana yang berkenaan, dia telah memasuki kediaman suami isteri.

(3) Jika mahkamah telah membuat suatu perintah di bawah bab 25 tetapi tidak mengenakan kepada perintah itu kuasa untuk menangkap di bawah cerai (1), maka, jika pada bila-bila masa pemohon bagi perintah itu menganggap bahawa pihak yang satu lagi kepada perkahwinan yang berkenaan itu telah tidak mematuhi perintah itu, dia boleh memohon bagi pengeluaran suatu waran untuk menangkap pihak yang satu lagi itu dan mahkamah hendaklah tidak mengeluarkan suatu waran atas permohonan tersebut melainkan jika —

(a) permohonan itu disahkan dengan mengangkat sumpah; dan

(b) mahkamah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pihak yang satu lagi kepada perkahwinan tersebut telah tidak mematuhi perintah itu.

(4) Mahkamah yang di hadapannya mana-mana orang dibawa menurut suatu waran yang dikeluarkan di bawah cerai (3) boleh menahannya.

Kuasa-kuasa  
Mahkamah  
Tinggi.

28. Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang dipunyai dan boleh dijalankan oleh mahkamah Majistret di bawah Bahagian ini.

Prosedur.

29. Semua permohonan kepada mahkamah Majistret di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat dan didengar mengikut cara yang sama dan menurut prosedur yang sama sepertimana permohonan-permohonan bagi saman dibuat dan didengar oleh mahkamah Majistret di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Peraturan Jenayah dan suatu permohonan bagi nafkah di bawah Bahagian ini hendaklah dianggap sebagai suatu aduan bagi maksud-maksud Kanun tersebut.

Penggal 7.

#### BAHAGIAN IV

#### TAHANAN PENDAPATAN TENAGA

Kuasa untuk  
membuat suatu  
perintah  
tahanan  
pendapatan  
tenaga.

30. (1) Jika mana-mana orang gagal mematuhi sebarang perintah nafkah mahkamah yang membuat perintah itu boleh bagi setiap pelanggaran perintah itu membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga.

(2) Mahkamah hendaklah tidak, kecuali dengan persetujuan defendan, membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga bagi menjamin pembayaran menurut suatu perintah nafkah jika didapatinya bahawa kegagalan defendan pada mematuhi perintah nafkah itu adalah bukan kerana dia enggan dengan sengaja atau dia mengabaikan dengan salah.

(3) Mahkamah Majistret boleh membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga untuk menjamin pembayaran yang perlu dibuat oleh defendan di bawah suatu perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

31. (1) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah menghendaki orang yang ditujukan perintah yang berkenaan itu, iaitu seseorang yang didapati oleh mahkamah sebagai majikan defendan, untuk membuat dari pendapatan tenaga yang kena dibayar kepada defendan pembayaran bagi menyelesaikan perintah tersebut. Jenis perintah.

(2) Jumlah yang ditetapkan dalam suatu perintah tahanan pendapatan tenaga adalah suatu jumlah wang sebagaimana yang difikirkan berpatutan oleh mahkamah setelah mengambil kira sumber-sumber dan keperluan-keperluan defendan dan keperluan orang-orang yang mesti atau dengan munasabah patut ditanggung oleh defendan.

(3) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah mengandungi, setakat mana yang diketahui oleh mahkamah yang membuat perintah itu, butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan bagi tujuan membolehkan defendan dikenal pasti oleh orang yang ditujukan perintah itu.

(4) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga atau sebarang perubahannya hendaklah tidak mula berjalan kuatkuasanya sehingga tamat tempoh tujuh hari dari tarikh bila satu salinan perintah itu disampaikan kepada orang yang ditujukan perintah itu.

(5) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah menetapkan pegawai yang kepadanya pembayaran di bawah perintah itu akan dibuat.

32. (1) Apabila suatu perintah tahanan pendapatan tenaga dibuat, semua prosiding lain bagi penguatkuasaan perintah nafkah berkaitan yang bermula sebelum perintah tahanan pendapatan tenaga dibuat hendaklah digantung. Kesan perintah.

(2) Mahkamah yang telah membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga boleh, jika difikirkannya patut, atas permohonan defendan atau seseorang yang berhak menerima pembayaran di bawah perintah nafkah berkaitan, membuat suatu perintah yang melepaskan atau mengubah perintah tahanan pendapatan tenaga itu.

(3) Suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa —

(a) atas pengeluaran suatu waran yang mengarahkan bahawa jumlah yang kena dibayar di bawah perintah nafkah berkaitan hendaklah dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melewi denda;

(b) atas pembuatan suatu perintah yang menjatuhkan defendan dengan hukuman penjara kerana gagal mematuhi perintah nafkah berkaitan; dan

(c) atas pembatalan perintah nafkah berkaitan,

dan jika suatu perintah tahanan pendapatan tenaga terhenti daripada berkuatkuasa sebagaimana yang disebutkan di atas mahkamah yang membuat perintah itu hendaklah memberi notis tentang terhentinya daripada berkuatkuasa itu kepada orang yang ditujukan perintah tersebut.

Kewajipan  
defendan dan  
majikan untuk  
mematuhi.

33. (1) Seseorang yang ditujukan suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah, dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis lain tetapi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, mematuhi perintah itu atau, jika perintah itu kemudiannya diubah di bawah bab 32 perintah sebagaimana yang diubah itu.

(2) Jika pada bila-bila masa di mana pendapatan tenaga kena dibayar kepada defendan ada berkuatkuasa dua perintah tahanan pendapatan tenaga atau lebih berhubung dengan pendapatan tenaga tersebut, maka, bagi maksud mematuhi Bahagian ini, majikan hendaklah —

(a) mengendalikan perintah-perintah tersebut masing-masing mengikut tarikh-tarikh bila perintah-perintah tersebut mula berjalan kuatkuasanya dengan mengenyahkan sebarang perintah yang kemudian sehingga semua perintah yang terdahulu telah dikendalikan; dan



(b) mengendalikan sebarang perintah yang kemudian seolah-olah pendapatan tenaga yang disebut dalam perintah yang kemudian itu adalah baki pendapatan tenaga defendan setelah sebarang pembayaran dibuat di bawah Bahagian ini menurut sebarang perintah yang terdahulu.

(3) Seseorang majikan yang, menurut suatu perintah tahanan pendapatan tenaga, membuat suatu pembayaran di bawah Bahagian ini, hendaklah memberi kepada defendan suatu pernyataan secara bertulis yang menyatakan jumlah pembayaran itu.

(4) Seseorang yang ditujukan suatu perintah tahanan pendapatan tenaga yang, pada masa bila satu salinan perintah itu disampaikan kepadanya, telah tidak pernah dalam tempoh satu bulan sejurus sebelum masa tersebut menjadi majikan defendan hendaklah dengan serta-merta memberi notis secara bertulis bagi maksud itu dalam bentuk yang ditetapkan kepada mahkamah yang membuat perintah itu.

34. (1) Jika prosiding berkenaan dengan suatu perintah tahanan pendapatan tenaga dibawa di mana-mana mahkamah, mahkamah tersebut boleh, sama ada sebelum atau pada pendengaran itu —

Kuasa-kuasa  
tambahan  
mahkamah.

(a) memerintahkan defendan untuk memberi kepada mahkamah tersebut, dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh perintah itu, suatu pernyataan yang ditandatangani olehnya tentang —

- (i) nama dan alamat majikannya, atau tiap-tiap majikannya jika dia mempunyai lebih daripada seorang majikan;
- (ii) butir-butir tentang pendapatan tenaga defendan sebagaimana yang mungkin dinyatakan demikian; dan
- (iii) butir-butir yang ditetapkan sebagaimana yang mungkin dinyatakan demikian bagi tujuan membolehkan defendan dikenal pasti oleh mana-mana majikannya; dan

(b) memerintahkan mana-mana orang yang didapati oleh mahkamah tersebut sebagai majikan defendan untuk memberi kepada mahkamah tersebut, dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh perintah itu, suatu pernyataan yang ditandatangani olehnya atau bagi pihaknya tentang butir-butir sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh perintah itu semua pendapatan tenaga defendan yang kena dibayar oleh orang itu dalam tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan demikian.

(2) Suatu dokumen yang dikatakan sebagai suatu pernyataan yang disebutkan dalam cerai (1) hendaklah, dalam sebarang prosiding yang disebutkan itu, diterima sebagai keterangan dan dianggap sebagai suatu pernyataan tanpa bukti lanjut melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Kewajipan  
untuk  
memberitahu  
perubahan.

35. Semasa suatu perintah tahanan pendapatan tenaga berkuatkuasa —

(a) defendan hendaklah, dari masa ke semasa, memberitahu secara bertulis kepada mahkamah yang membuat perintah itu tentang setiap kali dia meninggalkan sebarang pekerjaan, atau menjadi bekerja atau bekerja semula, tidak lewat dari (dalam tiap-tiap hal) tujuh hari dari tarikh dia berbuat demikian;

(b) defendan hendaklah, pada bila-bila masa apabila dia menjadi bekerja atau bekerja semula, memasukkan dalam pemberitahuannya di bawah perenggan (a) butir-butir pendapatan tenaganya dan pendapatan tenaga yang dijangka dari pekerjaan yang berkaitan; dan

(c) mana-mana orang yang menjadi majikan defendan dan mengetahui bahawa perintah itu berkuatkuasa dan mahkamah mana yang membuat perintah itu hendaklah, dalam masa tujuh hari dari dia menjadi majikan defendan atau memperolehi pengetahuan itu (mengikut mana yang kemudian), memberitahu mahkamah tersebut secara bertulis bahawa dia adalah majikan defendan, dan memasukkan dalam pemberitahuannya suatu pernyataan tentang pendapatan tenaga defendan dan pendapatan tenaga yang dijangka.

Kuasa  
mahkamah  
untuk  
memutuskan  
pendapatan  
tenaga.

36. (1) Mahkamah yang telah membuat suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah, atas permohonan orang yang ditujukan perintah itu atau defendan atau orang yang untuk faedahnya perintah itu dibuat, memutuskan sama ada pembayaran yang tertentu jenis atau perihalnya yang dinyatakan dalam permohonan itu kepada defendan adalah pendapatan tenaga bagi maksud-maksud perintah itu; dan orang yang ditujukan perintah itu adalah berhak untuk menguatkuasakan sebarang keputusan yang berkuatkuasa pada masa itu di bawah cerai ini.

(2) Seseorang yang ditujukan suatu perintah tahanan pendapatan tenaga yang membuat suatu permohonan di bawah cerai (1) tidaklah boleh menanggung sebarang liabiliti kerana gagal mematuhi perintah itu berhubung dengan sebarang pembayaran yang jenis atau perihalnya dinyatakan dalam permohonan yang dibuat olehnya kepada defendan semasa permohonan itu, atau sebarang rayuan yang berbangkit daripadanya, belum lagi diputuskan:

Dengan syarat bahawa cerai ini hendaklah tidak dikenakan berhubung dengan pembayaran tersebut jika orang itu kemudiannya menarik balik permohonan itu atau, mengikut mana yang berkenaan, menggugurkan rayuan tersebut.

37. (1) Mahkamah yang kepadanya seseorang majikan membayar sebarang jumlah wang menurut suatu perintah tahanan pendapatan tenaga hendaklah membayar jumlah wang tersebut kepada orang yang berhak menerima pembayaran di bawah perintah nafkah berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah tahanan pendapatan tenaga itu.

Pembayaran wang di bawah suatu perintah.

(2) Sebarang jumlah wang yang diterima menurut suatu perintah tahanan pendapatan tenaga oleh mahkamah hendaklah dianggap sebagai pembayaran yang dibuat oleh defendan, bagi menjelaskan pertama sekali sebarang jumlah wang yang pada masa itu kena dibayar dan belum dibayar di bawah perintah nafkah berkaitan (suatu jumlah wang yang kena dibayar pada suatu tarikh terdahulu yang dijelaskan sebelum suatu jumlah wang yang kena dibayar pada suatu tarikh kemudian) dan keduanya sebarang kos yang dilakukan dalam prosiding berkenaan dengan perintah nafkah yang kena dibayar oleh defendan apabila perintah tahanan pendapatan tenaga itu dibuat atau akhirnya diubah.

38. (1) Berkenaan dengan pendapatan tenaga yang kena dibayar oleh Kerajaan atau dari Kumpulanwang Yang Disatukan, pendapatan tenaga itu hendaklah disifatkan sebagai kena dibayar oleh pegawai utama jabatan, pejabat atau pertubuhan lain yang berkenaan pada masa itu.

Jika pendapatan tenaga dibayar oleh Kerajaan atau dari Kumpulanwang Yang Disatukan.

(2) Jika sebarang persoalan timbul, mengenai sebarang prosiding berkenaan dengan suatu perintah tahanan pendapatan tenaga, tentang jabatan, pejabat atau pertubuhan lain mana yang berkenaan bagi maksud-maksud bab ini, atau tentang siapa pegawai utamanya bagi maksud-maksud tersebut, persoalan itu hendaklah dirujuk kepada dan diputuskan oleh Menteri Kewangan tetapi Menteri Kewangan tidaklah boleh berada dalam sebarang obligasi untuk menimbangkan suatu rujukan di bawah cerai ini melainkan jika ia dibuat oleh mahkamah.

(3) Suatu dokumen yang dikatakan menyatakan suatu keputusan Menteri Kewangan di bawah cerai (2) dan ditandatangani oleh seseorang pegawai daripada Kementerian Kewangan, dalam sebarang prosiding yang disebutkan dalam cerai itu, boleh diterima sebagai keterangan dan dianggap mengandungi suatu pernyataan yang betul tentang keputusan tersebut melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Hukuman. 39. (1) Mana-mana orang yang —

(a) gagal mematuhi cerai-ceraian (1) atau (4) bab 33 atau suatu perintah mahkamah di bawah cerai (1) bab 34;

(b) memberi notis yang disebutkan dalam cerai (4) bab 33 atau suatu pernyataan menurut suatu perintah mahkamah di bawah cerai (1) bab 34, yang notis atau pernyataan itu diketahuinya sebagai palsu dalam sesuatu butir mustahak; atau

(c) dengan melulu memberi notis atau pernyataan yang palsu dalam sesuatu butir mustahak,

tertakluk kepada cerai (2), adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari lima ribu ringgit atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dituduh gagal mematuhi cerai (1) bab 33 untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mematuhi perintah tahanan pendapatan tenaga yang dimaksudkan oleh kegagalan tersebut.

## BAHAGIAN V

### RAMPAIAN

Aturan-aturan. 40. Ketua Hakim boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan pada amnya untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Pemansuhan. 41. Penggal XXXIII (Nafkah Isteri dan Anak) dari Kanun Peraturan  
Penggal 7. Jenayah adalah dimansuhkan.

Akta-Akta 42. Akta-Akta United Kingdom yang berikut, setakat mana Akta-Akta  
United tersebut dikenakan di Negara Brunei Darussalam hendaklah terhenti  
Kingdom. daripada dikenakan —

Married Women's Property Act, 1882.

Married Women's Property Act 1884.

Married Women's Property Act, 1893.

Married Women's Property Act 1907.

Married Women (Maintenance) Act, 1920.

Married Women's Reversionary Interests Act 1857.

Matrimonial Causes Act, 1937.

Summary Jurisdiction (Married Women) Act, 1895.

Summary Jurisdiction (Separation and Maintenance) Act, 1925.

Summary Procedure (Domestic Proceedings) Act, 1937.

43. Sebarang perintah yang dibuat di bawah Penggal XXXIII dari Kanun Peraturan Jenayah (dimansuhkan oleh Perintah ini), atau di bawah sebarang Akta yang disenaraikan dalam bab 42, hendaklah terus berkuatkuasa seolah-olah dibuat di bawah peruntukan-peruntukan yang sama Perintah ini.

Peralihan.  
Penggal 7.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 3 haribulan Julai, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM